



Pantau barang keperluan setiap hari, pastikan bekalan mencukupi

Oleh Azhar Shahrulnizam - Disember 28, 2022 @ 6:18pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan pemantauan secara harian berhubung keberadaan bekalan barang keperluan sehari-hari, termasuk tepung gandum di pasaran.

Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN, Azman Adam, berkata KPDN juga melaksanakan pemantauan rantai pengeluaran dan pengedaran tepung gandum di peringkat pengilang dan pengedar, secara bulanan.

Beliau berkata, KPDN sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pihak industri bagi menangani isu berbangkit berhubung bekalan dan harga tepung gandum di pasaran.

"Jika terdapat aduan mengenai bekalan tepung gandum yang tidak mencukupi, KPDN akan mengenal pasti punca ketiadaan bekalan dan membantu menangani masalah yang timbul."

"Kami juga menggalakkan peruncit melaksanakan kawalan kendiri di premis mereka bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan mudah diperoleh di pasaran tempatan."

"Buat masa ini, tiada aduan diterima mengenai kekurangan bekalan tepung gandum di pasaran," katanya.

Beliau menjelaskan, hasil pemantauan KPDN ke atas 10 kilang pengeluar tepung gandum dalam negara mendapati tidak berlaku penurunan pengeluaran bahan itu, malah ia konsisten sejak September lalu.

Sementara itu, Azman berkata, pihaknya masih menerima aduan mengenai kekurangan bekalan telur ayam dan minyak masak polibeg satu kilogram (kg).

"Bekalan terbabit sentiasa ada di pasaran, tetapi disebabkan permintaan yang tinggi, bekalan sedia ada cepat habis."

"Penghantaran bekalan itu adalah tertakluk kepada penghantaran bekalan mengikut masa dan kawasan yang ditentukan oleh pembekal dan permintaan daripada pengedar," katanya.



Ketua Pengarah Penguin Kuasa KPDN, Azman Adam.